

Kenyataan Muhyiddin angkuh dan sombong, kata Teresa Kok
Malaysian Insider
Sept 15 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Ahli Parlimen Seputeh Teresa Kok menyelar kenyataan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin (gambar) mengenai pegumuman Datuk Seri Najib Tun Razak dalam memperkasakan ekonomi bumiputera semalam sebagai angkuh dan kurang sensitif dengan kaum bukan bumiputera.

Menurut Teresa, Menteri Pelajaran itu tidak sepatutnya membuat kenyataan sebegitu.

"Adakah beliau menyedari kenyataannya itu akan menyebabkan ramai pelajar kaum bukan bumiputera tidak boleh belajar di Universiti pilihan mereka, atau tidak mempunyai kelayakan mendapatkan biasiswa malah mengurangkan peluang perniagaan bagi kaum lain.

"Semalam mungkin merupakan hari bertuah buat Muhyiddin tapi hari ini kami, kaum bukan bumiputera menampal kenyataan itu kerana ia bertentangan dengan slogan 1Malaysia yang dicanangkan Najib," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ahli parlimen itu, turut menyelar Najib apabila hanya menumpukan pemerikasaan ekonomi bumiputera sahaja tapi bukan pada seluruh kaum di Malaysia.

"Apa yang menghairankan bukannya sekarang ini merupakan masa tepat bagi Najib memikirkan kepentingan semua kaum di negara ini dan bukan hanya tertumpu kepada bumiputera saja kerana tindakan itu seolah-olah menafikan hak kaum bukan bumiputera sebagai penduduk Malaysia," katanya lagi.

Malah beliau juga berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan pada 1971 bagi membantu golongan bumiputera telah melangkaui beberapa dekad, dan terdapat beberapa penambahan polisi tersebut namun mengapa polisi itu masih lagi gagal untuk mencapai sasarannya.

"Apakah maksud DEB ini? Adakah ia polisi yang tidak berakhir kenapa pelan terdahulu gagal yang sekarang ini kononnya akan berjaya? Ekonomi berasaskan satu kaum saja pasti akan membuka lebih dalam jurang perkauman di negara ini," kata Teresa.

Selain itu Teresa juga mengkritik Perdana Menteri itu seolah membutakan rakyat dengan memberi ganjaran sekiranya mereka menunjukkan sokongan terhadap kerajaan.

Tindakan itu dilihat tidak selari dengan janji dibuat kerajaan Barisan Nasional selepas pilihan raya lalu yang ingin melaksanakan dialog perpaduan.

Sebelum ini Muhyiddin dalam reaksinya mengenai pengumuman Pemerikasaan Ekonomi Bumiputera semalam berkata langkah itu amat dinantikan.

"Pada saya hari ini merupakan hari bertuah dan pastinya majlis yang paling dinantikan. Kami tidak akan peduli atau risau sekiranya kaum bukan bumiputera mahupun komuniti antarabangsa mengkritik bahawa ia hanya untuk kepentingan tertentu," kata Muhyiddin.

Semalam Najib mengumumkan lima langkah bagi memperkasa ekonomi Bumiputera yang menurutnya mampu meningkatkan penguasaan golongan berkenaan menjelang 2020.

Beliau berkata, pegangan ekuiti korporat masih belum mencapai 30 peratus dan golongan tersebut kini masih dalam tempoh transformasi sejak empat dekad lalu.

"Pertama, daya modal insan Bumiputera perlu ditingkatkan dengan menawarkan peluang pekerjaan serta membantu graduan dari segi latihan tambahan melalui peruntukan tambahan kepada Giat Mara dan memperkasa program latihan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) kepada dua sesi," kata Najib.

Empat pendekatan lain yang diumumkan Perdana Menteri adalah memantapkan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, mengukuhkan aset bukan kewangan, memperhebat keusahawanan dan memantapkan ekosistem penyampaian kerajaan terhadap golongan Bumiputera. Termasuk menambah 10 billion unit saham bagi memantapkan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat. – September 15, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kenyataan-muhyiddin-angkuh-dan-sombong-kata-teresa-kok>